

Tokoh perniagaan kongsi pengalaman; ilmu bersama warga UMP

SINAR HARIAN (SENTRAL) 2 NOV 2016 m/s 26

KUANTAN - Warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) berpeluang mendengar pengalaman dan berkongsi ilmu perniagaan dengan Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia, Tan Sri Muhammad Ali Hashim yang mengupas topik 'Teknologi Keusahawanan: Jihad Perniagaan' sempena Majlis Syarahan Umum anjuran Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (JHEAA) universiti tersebut, semalam.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMP, Prof. Datuk Dr Rosli Mohd Yunus, berkata, sebagai sebuah universiti teknikal berorientasikan kejuruteraan, sains dan teknologi perspektif melalui syarahan umum itu adalah sebahagian daripada usaha mengetengahkan teknologi keusahawanan sebagai katalis jihad perniagaan.

Menurutnya, ia seiring inisiatif

universiti itu yang baru melancarkan secara rasmi dana endowmentnya bulan lalu yang dikenali sebagai MyGift.

"Jihad perniagaan menuntut semua pejuang perniagaan mengendalikan perniagaan mengikut kaedah syarie dengan mengetepikan semua amalan merosakkan keberkatan usaha niaga tersebut terutama sekali yang bersifat haram serta tidak diredai.

"Di sini terletaknya penyesuaian jihad perniagaan dalam konteks tujuan atau Maqasid al-Syariah yang menitikberatkan pemeliharaan lima aspek utama kehidupan iaitu agama, jiwa, akal, keturunan dan harta," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Syarahan Umum anjuran Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (JHEAA) UMP, semalam.



Muhammad Ali (tengah) dan Dr Rosli (empat, kanan) menghadiri Majlis Syarahan Umum di UMP, semalam.

Sementara itu, Muhammad Ali berkata, mengatakan Jihad Bisnes menuntut semua pejuang bisnes mengendalikan bisnes masing-masing mengikut kaedah dan menggunakan cara yang pasti akan mengetepikan semua yang merosakkan dan yang haram serta tidak diredai.

Beliau berkata, ia menuntut pejuang bisnes memperbaiki kerosakan dengan mentransformasikan sistem ekonomi supaya lebih adil dan saksama.

"Satu kaedah menuju ke arah itu ialah dengan membangunkan institusi Waqaf Korporat yang kini se-

dang diperjuangkan oleh Dewan Perdagangan Islam Malaysia.

"Langkah UMP melaksanakan MyGift sangat baik dalam membantu mahasiswa yang kurang mampu manakala syarikat korporat boleh melakukan jihad dengan membantu menyediakan dana tersebut," katanya.